



JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH SELATAN
81560 GELANG PATAH
JOHOR DARUL TA'ZIM



Telefon : 07-5072313 Emel : pjwst@marine.gov.my
Faksimili : 07-5073679 Laman Web : <http://www.marine.gov.my>

LAMPIRAN A

Rujukan Kami : (21) JLWS/800-2/7/2 Jld 2

Tarikh : 27hb Julai 2023

SYARAT- SYARAT KERJA-KERJA PENGERUKAN DI BERTH POCKET (CT1, CT2, CT3, CT3A, BT2, BT5, BT6, BT11, BT12) DAN WATER FRONT (BT5, BT6, BT11, BT12) JOHOR PORT, PASIR GUDANG, JOHOR

Syarat-Syarat dibawah Seksyen 491b (3) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952

1. Kelulusan ini adalah hanya untuk menjalankan *kerja-kerja pengerukan penyelenggaraan di berth pocket (CT1, CT2, CT3, CT3A, BT2, BT5, BT6, BT11, BT12) dan water front (BT5, BT6, BT11, BT12)* Johor Port, Pasir Gudang, Johor bermula dari **27hb Julai 2023** sehingga **31hb Ogos 2023**;
2. Semua aktiviti kebenaran kerja di atas hendaklah ditangguhkan jika berlaku keadaan cuaca buruk, laut bergelora dan keadaan kenampakan terhad. Pemakaian jaket keselamatan adalah diwajibkan pada setiap masa semasa bekerja di geladak kapal;
3. Kerja-kerja di atas yang hendak dijalankan adalah hendak tidak sama sekali mewujudkan sebarang halangan terhadap keselamatan pelayaran pada bila-bila masa;
4. Kawasan kerja yang dibenarkan adalah dibendung oleh koordinat-koordinat WGS 84 seperti berikut;

KAWASAN	TITIK	KOORDINAT	
		LATITUDE (N)	LONGITUDE (E)
Kawasan penyelenggaran di Johor Port <i>berth pocket</i> (CT1, CT2, CT3, CT3A, BT2, BT5, BT6, BT11, BT12) dan <i>water front</i> (BT5, BT6, BT11, BT12)	A1	01° 26.329'	103° 53.121'
	A2	01° 26.188'	103° 52.997'
	A3	01° 26.111'	103° 53.058'
	A4	01° 25.918'	103° 53.372'
	A5	01° 25.783'	103° 53.667'
	A6	01° 25.662'	103° 54.432'
	A7	01° 25.992'	103° 54.484'

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03602

LAMPIRAN A

Rujukan Kami : (21) JLWS/800-2/7/2 Jld 2

Tarikh : 27hb Julai 2023

5. Lokasi pembuangan sisa hanya dibenarkan dalam lingkungan koordinat seperti berikut sahaja (Kawasan pembuangan sisa Tompok Utara);

TITIK	LATITUDE	LONGITUDE
1	01° 38.8' N	104° 27.4'E
2	01° 37.3' N	104° 27.4'E
3	01° 36.0' N	104° 29.7'E
4	01° 37.8' N	104° 29.7'E

6. Pihak tuan perlu mengemukakan ke Jabatan ini **Laporan Bathymetric Survey kawasan pembuangan sisa** dengan kaedah multibeam dan telah disahkan oleh Cat. A Hydrographic Surveyor **selewat-lewatnya 14 hari selepas tamat kerja**. Kegagalan pihak tuan mengemukakan laporan tersebut boleh mengakibatkan sebarang permohonan aktiviti dari pihak Johor Port Berhad dan Integrated Marine Works Sdn Bhd pada masa hadapan tidak akan dipertimbangkan;
7. Kebenaran adalah diberikan kepada vessel-vesel yang disenaraikan dibawah ini bagi menjalankan kerja-kerja seperti mana di atas:

BIL	NAMA KAPAL	JENIS	P.O. R	IMO/ON
1	INAI KENANGA	Hopper Dredger	Port Klang	9568782
2	INAI DELIMA	Dredger	Port Klang	333993

8. Pihak tuan adalah bertanggungjawab memastikan semua vesel-vesel bekerja memiliki insuran wajib seperti mana Akta A1393 serta memastikan sijil-sijil statutori bagi semua vesel-vesel dan Lesen Perkapalan Dalam Negeri sentiasa bekerja masih sah laku;
9. Pihak tuan adalah bertanggungjawab memastikan semua vesel-vesel bekerja mematuhi kepada Kaedah-kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953 seperti laporan ketibaan, melaporkan kemalangan, dan sebagainya;
10. Pihak tuan adalah bertanggungjawab memastikan semua vesel-vesel bekerja memiliki lampu-lampu navigasi, isyarat-isyarat siang hari dan malam hari yang mematuhi keperluan-keperluan Perintah Perkapalan Dagang (Peraturan-peraturan Perlenggaran) 1984;
11. Semua kapal yang telah diberi kelulusan bekerja adalah tertakluk kepada semua peruntukan yang dibuat dibawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 termasuk semua Kaedah dan Peraturan yang dibuat dibawahnya dan tidak terbatas kepada aspek-aspek melapor ketibaan dan pelepasan, pematuhan kepada semua Konvensyen IMO yang telah diraktifikasi dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia;

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03602

LAMPIRAN A

Rujukan Kami : (21) JLWS/800-2/7/2 Jld 2

Tarikh : 27hb Julai 2023

12. Sebarang kejadian kemalangan hendaklah dilaporkan ke Pejabat Laut yang terdekat dalam masa 24 jam dengan disusuli Borang Laut / Kem.1 yang telah dilengkapkan. Borang tersebut boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Laut : www.marine.gov.my;
13. Semasa vesel-vesel tersebut berada didalam perairan Malaysia, sebarang keperluan logistik dan perkhidmatan seperti membekal bahan bakar, air tawar, 'ship stores & provisions', alat-alat ganti, pertukaran krew dan sebagainya hendaklah menggunakan perkhidmatan syarikat dan vesel-vesel dari Malaysia. Sebarang penggunaan syarikat dan/atau vesel dari Negara asing adalah TIDAK DIBENARKAN;
14. Mematuhi lain-lain arahan Pengarah Laut Wilayah Selatan yang boleh dikeluarkan dari masa kesemasa. Kelulusan ini boleh ditarik balik / dibatalkan / di pinda pada bila-bila masa tanpa perlu memberi sebarang sebab;
15. Sesalinan surat kelulusan ini hendaklah diletakkan di atas vesel bekerja yang terlibat bagi tujuan pemeriksaan oleh mana-mana ajensi Kerajaan Malaysia; dan
16. Kelulusan ini merupakan pemahaman bahawa kerja-kerja tersebut diatas adalah sepenuhnya dibawah tanggungjawab dan risiko pihak tuan dan Jabatan ini ataupun Kerajaan Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa jua tuntutan, gantirugi dan sebagainya, jika ada daripada mana-mana pihak pada bila-bila masa.

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03602